

# Galak pelajar amal sifat ukhuwah

**ALOR SETAR** - Golongan pelajar perlu diterapkan dengan sifat ukhuwah dan mereka seharusnya mengamalkan budaya itu walaupun tamat pengajian.

Timbalan Rektor Kolej Universiti Insaniah (Kuin), Datuk Che Barni Mohd Noor, berkata, sifat ukhuwah itu mampu dipupuk menerusi aktiviti yang diadakan kepada pelajar sewaktu berada di pusat pengajian.

Menurutnya, pendekatan itu dilaksanakan oleh Insaniah dengan mengadakan majlis sambutan Aidilfitri yang merupakan program perintis menggabungkan pekerja, pensyarah dan pelajar.

"Majlis yang diadakan ini mampu menyatukan keseluruhan warga Insaniah dalam satu masa kerana tidak mudah untuk menggumpalkan pelajar walaupun sewaktu konvokesyen.

"Selain itu, ia dijadikan platform untuk memperkenalkan kepada pelajar luar



■ **CHE BARNI MOHD NOOR**

negara mengenai budaya dan makanan yang terdapat di sini," katanya kepada media pada Majlis Jamuan Hari Raya yang dianjurkan Insaniah.

Che Barni berkata, makanan yang disediakan pelajar dari setiap kuliah yang kebanyakannya makanan tradisi.

Menurutnya, usaha yang diadakan pada tahun ini akan diteruskan pada masa akan datang agar ia dapat memberi manfaat kepada pelajar.